

Ruj. Kami : ANM.PK. D/600-2/5(46)  
Tarikh : 27 November 2020

Semua Ketua Jabatan Persekutuan/  
Ketua Pusat Tanggungjawab

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan

**TARIKH AKHIR PERMOHONAN KELULUSAN PEMBAYARAN MELALUI MODUL  
INVOIS TANPA PT BAGI TAHUN 2020**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa tarikh akhir penghantaran permohonan kelulusan menggunakan modul invois tanpa pesanan kerajaan ke Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) Negeri Perak bagi tahun 2020 adalah sehingga **30 November 2020 sahaja**. Sebarang permohonan selepas tarikh tersebut tidak akan diluluskan oleh jabatan ini.

3. Surat permohonan yang dihantar hendaklah disertakan dengan surat iringan dan salinan dokumen yang lengkap. Kelulusan hanya akan dipertimbangkan untuk kes yang relevan sahaja. Sila rujuk soalan lazim yang telah dikeluarkan oleh jabatan ini di *website* JANM Perak iaitu [http://www.anm.gov.my/images/JANM/AO/Perak/08-Soalan-Lazim/Dana/SOALAN\\_LAZIM\\_INVOIS\\_TANPA\\_PT.pdf](http://www.anm.gov.my/images/JANM/AO/Perak/08-Soalan-Lazim/Dana/SOALAN_LAZIM_INVOIS_TANPA_PT.pdf) bagi mendapatkan penjelasan mengenai tatacara permohonan pembayaran ini.

4. Semua permohonan boleh dihantar terus ke kaunter tingkat 6 JANM Perak atau di emel terus ke [dana\\_prk@anm.gov.my](mailto:dana_prk@anm.gov.my).

Sekian, terima kasih.

**UNIT PENGURUSAN DANA  
JANM NEGERI PERAK**